

## Eksplorasi Flora dan Fauna Adalah Ekspresi Jiwa Raga Wanita: Satu Bacaan *EcoFeminism* Berdasarkan Karya-Karya Terpilih

SITI HAJAR CHE MAN

### *ABSTRAK*

*Salah satu cara bagaimana jiwa raga wanita dipersembahkan ialah dengan memanipulasikan alam sekitar flora dan fauna sebagai satu bentuk perwakilan [representatif] pemikiran dan emosi pengarang yang dipamerkan melalui karya. Justeru itu perbincangan eseai ini akan menjurus kepada tiga objektif utama iaitu (a) untuk memahami konsep eco-feminism dan kerelevanan yang terjalin antara flora dan fauna dengan konsep feminism itu sendiri, (b) untuk mengenal pasti unsur-unsur flora dan fauna yang dijalankan oleh pengarang dalam usaha menyelami jiwa raga wanita dan (c) untuk menganalisis sekali gus membandingkan pemikiran pengarang yang disalurkan melalui flora dan fauna tentang kehidupan wanita. Untuk mengukuhkan perbincangan ini, kaedah eco-feminism sebagai satu terma yang dicipta pada tahun 1974 oleh Francoise d' Eaubonne akan diguna pakai untuk melihat sejauh mana keberkesanan ekspresi jiwa raga wanita dapat dihayati. Penjelasan kaedah ini menjelaskan bahawa social mentality adalah salah satu penyebab utama terjadinya domination and oppression secara tersirat dan secara tersuratnya memperlihatkan abuse of environment. Hal ini juga secara selari membawa maksud hubungan di antara destruction of nature by humans turut memberi makna bahawa kerrosakan alam itu pada hakikatnya adalah juga oppression of women by men. Untuk melengkapkan perbincangan, eseai ini telah memilih beberapa buah cerpen dan novel yang sesuai dengan objektif kajian.*

*Kata kunci:* *jiwa raga wanita, ecofeminism, flora dan fauna, social mentality, domination and oppression*

### *ABSTRACT*

*One of the ways how female soul is represented is with manipulation of the natural environment's flora and fauna as a representative of writers thought and emotion that is displayed through writings. Hence this discussion will be divided into three objectives, (a) to comprehend the concept of ecofeminism and the relevance that formed between flora and fauna with the concept of feminism itself, (b) to identify the flora and fauna's elements that are used by the authors in an effort to explore female soulful aspect and (c) to analyse and compare the selected writers thoughts about women lives through flora and*

*fauna. To consolidate this discussion, ecofeminism, a term coined by Francoise d' Eaubonne in 1974 will be used to see how far the effectiveness of female soulful expression relevant to these selected texts. This method explains that social mentality is one of the main causes of domination and oppression by implicit and explicit aspects that display the abuse of environment. In this case its collaterally bringing a meaning that the relationship between destruction of nature by humans similar to the environment damages as oppression of women by men. To complement this essay, selected short stories and novels are used that are appropriate with objective of this study.*

*Key words: women's soul and mind, ecofeminism, flora and fauna, social mentality, domination and oppression*

## PENGENALAN

Perbincangan ini bermula dengan satu kenyataan bahawa seorang sasterawan sebenarnya orang yang paling hampir dengan alam, malah ada waktunya dia menyelami alam, dan ada ketikanya dia sebatи bersama alam. Kerap kali para sasterawan menggunakan kebijaksanaan dan seluruh kapasiti daya fikir, realiti, ilusi, fantasi dan imaginasi dalam usaha berinteraksi dengan alam. Oleh itu, alam dan sastera adalah dua jalinan yang amat erat, saling bertindak balas dan tanpa sentuhan atau jelmaan alam dalam karya atau penciptanya, karya itu menjadi hambar. Dalam memahami situasi alam dan tindakan manusia ini, mari kita teliti pandangan Syed Hoessin Nasr (1976: 18) yang menjelaskan bahawa alam sekitar (flora dan fauna) ialah,

*Moreover, nature has come to be regarded itself as something to be used and enjoyed to the fullest extent possible. Rather than being a married woman from whom a man benefits but also towards whom he is responsible, for modern man nature has become like a prostitute...to be benefited from without any sense of obligation and responsibility toward her.*

Pandangan Nasr sangat unik dan simbolik sifatnya yang memperlihatkan bagaimana alam sekitar “diperkosa” dan “memperkosa”, menghambakan dirinya mahupun dirinya di perhambakan demi kepentingan orang lain. Dalam konteks Geografi alam sekitar, alam itu sendiri dapat didefinisikan secara umum sebagai “bumi secara keseluruhan” atau “alam sekitar semula jadi secara keseluruhannya”.

Justeru, bagi ahli Geografi, alam sekitar semula jadi merangkumi fenomena di bumi kecuali manusia dengan kerjayanya. Ini termasuklah

iklim, tanah-tanah, hidupan binatang liar, bentuk muka bumi, atmosfera, mineral dan air (Chan Ngai Weng 1993:56). Berdasarkan kedua pandangan ini dapat dirumuskan bahawa manusia memang berinteraksi dengan alam sekitar semula jadi, menyesuaikan diri kepadanya dan menggunakan secara berfaedah mahupun menyalahgunakannya. Justeru persoalan penting yang timbul ialah bagaimana mewujudkan hubungan harmoni dan mesra alam antara manusia dan alam telah menjadi isu penting bagi ahli-ahli Geografi.

Bagaimana pula hubungan antara seorang ahli sastera dengan alam sekitar, khususnya daripada kalangan ahli feminis? Untuk memahami bagaimana ahli feminis berinteraksi dengan alam, menterjemahkan alam dalam karya, menginterpretasikan pemikiran pengarang yang menggunakan unsur alam dalam berkarya, maka telah wujud satu pendekatan yang disebut sebagai *eco-feminism*. Pada awalnya terma ini berpunca daripada terma *eco-criticism*. Pendekatan ini memberi perhatian kepada “*representations of nature in literary but also non literary-texts*”, umpamanya filem, televisyen, teater dan lukisan yang memberi fokus kepada persoalan “*how nature is constructed in those presentations*.” Sementara itu, *eco-feminism @ ecological feminism* adalah satu terma yang dicipta pada tahun 1974 oleh Francoise d’Eaubonne. Kritikan ini adalah kombinasi antara pergerakan falsafah pemikiran *ecological* yang menitikberatkan:

- i) *the belief that the social mentality that leads to the domination and oppression of women is directly connected to the social mentality that leads to the abuse of environment* (Thomas-Slayter & Rocheleau 1995: 2-7).
- ii) *is a connection between the destruction of nature by humans and the oppression of women by men that arises from political theories and social politics in which both women and natures as objects to be owned or controlled* (*Encyclopaedia Britannica*).

Justeru, bagaimana pula perkaitan alam dengan jiwa raga wanita? Pada asasnya kaedah jiwa raga wanita didasarkan kepada satu pembentukan kaedah bacaan tempatan @ mandiri. Kaedah bacaan ini dibentuk hasil daripada pengubahsuaian dan penstrukturuan semula gagasan Elaine Showalter yang telah memperkenalkan kaedah bacaan “*women as reader*” (*reading as a woman*) yang disebut juga sebagai *feminist critique* dan “*women as writer*” (*writing as a woman*) atau disebut beliau sebagai *gynocriticism*. Oleh itu untuk memaknakan semula dua gagasan ini, penilaian harus dibuat. Hasilnya menemukan bahawa *women*

*centred criticism* yang berdasarkan kepada biologi, psikologi, bahasa dan budaya tidak berupaya untuk menyelami jiwa raga wanita Melayu khususnya. Hal ini kerana gaya kehidupan wanita Melayu melalui pengalaman, emosi, latar belakang dan persekitaran yang berbeza, apatah lagi pengalaman pahit yang dilalui di era penjajahan. Secara amnya, feminism bukan istilah Melayu, justeru dasar perjuangan turut berbeza, bahkan bertentangan dengan nilai-nilai Melayu. Amalan feminism yang meletakkan lelaki sebagai musuh dan secara semula jadi terma wanita bermaksud mengikut arahan perlulah diubahsuai atau distrukturkan semula. Hal ini turut membawa pengertian bahawa ciri-ciri dan konteks *women centred criticism* tidak dapat menyelami jiwa raga wanita, khususnya yang melibatkan emosi wanita Melayu.

Apakah yang dimaksudkan dengan frasa jiwa raga wanita? Jiwa wanita sangat akrab dengan nyawa, roh, emosi, perasaan, fikiran, citacita dan berjiwa: kasih, simpati, suka, duka, empati, gembira, sedih, kecewa, marah, geram, meluat, benci, sayang dan pengorbanan. Kesemua aspek bersatu membentuk satu jiwa. Manakala raga wanita pula secara literal raga adalah “bakul” yang berkait dengan apa yang patut diisi dan sesuai dalam sebuah raga itu, justeru analogi dalam bakul atau raga wanita, sudah tentulah segala macam elemen perasaan. Bagaimana pula perkaitan jiwa raga wanita dengan alam dan karya?

Menerusi esei ini, tiga matlamat penting akan menjadi isu perbincangan iaitu (i) untuk memahami konsep *eco-feminism* itu, (ii) untuk mengenal pasti unsur-unsur flora dan fauna dengan konsep feminism itu sendiri dan (iii) untuk menghalusi jiwa raga wanita yang dialirkkan oleh pengarang melalui flora dan fauna. Justeru, salah satu cara bagaimana jiwa raga wanita dipersembahkan ialah dengan mengambil atau menggunakan alam sekitar sebagai satu bentuk representatif bagi mewakilkan diri pengarang, juga wanita dan mesej yang ingin diutarakan. Di awal perbincangan telah dinyatakan bahawa sesebuah karya sastera tanpa cantuman dan adunan alam, karya itu menjadi hambar, tidak segar dan kering. Lalu bagaimana agaknya situasi dan fenomena ini dalam karya-karya di tanah air, adakah berlaku seperti dalam tradisi Inggeris yang kerap menggunakan metafora burung (Moers 1976: 243-264). Mungkinkah kerana burung ini merupakan haiwan spesies kecil yang turut melambangkan kekerdilan? Atau kerana burung adalah sejenis haiwan yang sering tertekan turut memberi analogi tentang kedudukan wanita yang tertindas oleh lelaki? Atau burung yang sering menjadi mangsa yang diselarikan dengan nasib wanita? Atau barangkali spesis burung adalah ciptaan yang cantik, manis, dan ada kalanya dikurung? Atau mungkin juga pandangan Moers boleh dinilai

semula, di mana beliau menyatakan, “*birds are beautiful and exotic creatures, symbols of half-promised, half-forbidden sensual delights*”, mahupun tekaan Moers yang juga menarik untuk dihayati, iaitu mungkinkah, “*because birds are soft and round and sensuous, because they palpitate and flutter when held in the hands, and especially because they sing, birds are universal emblems of love*” (Moers 1976: 260). Ungkapan yang sama disebut oleh Christina Rossetti seorang penyair dari England (Moers 1976: 245), dalam puisinya “*A Birthday*” dicipta beliau pada tahun 1857, ungkap beliau, “*My heart is like a singing bird, whose nest is in a watered shoot*”. Melihat dan merenung suasana dan persekitaran alam di Malaysia, jelas bahawa persekitarannya dipenuhi dengan hutan hujan tropika dan beriklim khatulistiwa. Oleh itu panorama Malaysia dipenuhi dengan hutan hijau, hujan, panas, langit yang biru, awan yang kadang kala redup, mendung dan cerah, bukit-bukau, gunung-ganang, sawah nan terbentang-sayup mata memandang, laut yang biru, bunga-bungaan, buah-buahan tropika, binatang liar yang dipelihara dengan baik, haiwan ternakan dan belaan, tasik yang jernih, sungai yang bersih, suasana pagi yang diserikan dengan kicauan burung dan kokokan ayam, suasana malam yang ditemani Cahaya bulan penuh mengambang dan kerlipan bintang, tiupan angin sepoi-sepoi bahasa dan pohon nyiur yang melambai. Namun keindahan ini telah dicacatkan oleh hadirnya jerebu, kemalangan ngeri, maksiat dan gejala sosial, sungai yang kotor dan busuk, sampah sarap yang menimbun, banjir dan bencana alam yang amat menakutkan, tumpahan minyak dan pembuangan sisa bahan kimia, penggunaan plastik yang tiada kawalan dan masyarakat sendiri yang bersikap “tak apalah”. Situasi seperti ini disebut oleh Syed Hoessin Nasr (1976: 18) sebagai “*the harmony between man and nature has been destroyed, is a fact which most people admit. But not everyone realizes that disequilibrium is due to the destruction of the harmony between man and God*” (1976:20). Manakala dalam kalangan pejuang eco-feminism keadaan seperti ini disebut “*abuse of environment*”. Walau bagaimanapun, di pihak para sasterawan panorama inilah yang menjadi ilham sebagai bahan cerita tentang hidup dan kehidupan sama ada disampaikan secara langsung mahupun secara tersirat.

Dengan berdasarkan kepada beberapa teks pilihan, mari kita teliti bagaimana ekspresi jiwa raga wanita dapat diperlihatkan oleh pengarang melalui unsur-unsur flora dan fauna. Teks yang menjadi pilihan eseini ialah cerpen “Perempuan” karya Sasterawan Negara Shahnon Ahmad (1995). Terdapat beberapa elemen alam sekitar di aplikasi sebagai bahan

untuk menyatakan tekanan jiwa yang dialami oleh watak Siti. Shahnon telah memerikan tertekannya jiwa yang ditanggung oleh watak Siti dalam keadaan geram, marah, protes, tidak puas hati, inginkan kebebasan dari dikongkong oleh ibu bapanya. Bapanya mempunyai kuasa veto tanpa memberi ruang bukan saja pada Siti tetapi juga pada ibunya. Justeru dalam sistem patriarchal yang dirujuk sebagai, “*social system where the father controls a member of the family property, economy* yang membenarkan ayahnya boleh membuat “*major decision*”. Dalam diam-diam jiwa Siti menentang yang ditunjukkan dengan pelbagai tindakannya yang kasar, berani, geram, marah, sakit hati, tidak puas hati terhadap keputusan yang dimuktamadkan oleh bapanya dalam menentukan masa depan Siti. Bapanya telah menjodohkan Siti dengan Haji Rahmat, seorang kaya yang dihormati kerana baru pulang dari Mekah. Pada tanggapan Siti, Haji Rahmat itu sebaya dengan bapanya. Lagipun Siti telah pun ada pilihan hati yang menyegarkan hati dan jiwanya! Itulah yang diprotesnya.

Namun apa yang menarik ialah cara Shahnon mengekspresikan rasa protes Siti. Dalam hal ini Shahnon menggunakan unsur flora dan fauna secara menyeluruh iaitu alam sekitar biotik, persekitaran sosial yang juga disebut sebagai alam sekitar kemanusiaan dan alam sekitar budaya. Disebabkan sistem masyarakat yang utuh dan kuat dengan sistem patriarki, tidak mungkin Siti menentang bapanya secara terang. Maka di sinilah unsur alam memainkan peranan. Kita teliti bagaimana tekanan jiwa raga Siti dilepaskan melalui unsur flora dan fauna:

1. Bedebah kucing ini! Siti menghulur jari ke bawah perut Comel yang manja, mencubitnya kuat-kuat. Keradangan pantas menjongol lalu bersarang di sanubari.  
[kemarahan dan radang Siti terhadap sikap bapanya yang tidak boleh ditentang itu dilepaskan kepada kucing]
2. Calak berkокok lagi. Balungnya bergetar galak. Mersiknya bertambah. Bedebah ayam ini! Situ menujah anyaman tikar pandan dengan telunjuk kanan. Semuanya bedebah. Semuanya!

Situasi di atas memperlihatkan rasa marah Siti dipindahkan kepada ayam, akibat marahnya itu turut mengganggu tumpuan anyaman tikar. Jiwanya yang marah dan parah itu telah melibatkan semua yang ada di sekeliling. Jiwa dan emosi Siti menjadi resah, gelisah sehingga terpancar di dunia realiti, kegelisahan dan rasa tidak bersetuju terpancar daripada

gaya Siti menganyam tikar apabila bapanya menyatakan, “raya puasa gantung, raya haji jumpa”.

Jiwa raga Siti sangat kacau, dia inginkan kebebasan, Shahnon mengeksplot unsur flora dan fauna untuk menyerlahkan kepada khalayak betapa kusutnya perasaan Siti. Darjah kemarahannya tidak terbendung lagi hingga terkeluar kata-kata kesat “babī” dan “bedebah”. Jiwanya inginkan ketenangan dan kebebasan lalu Siti memikirkan:

1. kalaulah dia boleh menyelinap di bawah papan lantai dan merayap macam lipas kudung menerusi retak papan dan turun menerusi tiang hingga menempuh tanah,
2. kalaulah bersayap dia boleh terbang ke atas pucuk kelapa bercanggah angin, di luar bendang terbentang sayup-sayup,
3. terus ke angkasa luas berarak dengan awan putih suci.

Shahnon ingin menyatakan bahawa suasana alam seolah-olah turut memahami dan merasai keadaan jiwa raga Siti yang tidak tenteram. Siti menunjukkan tentangan keras terhadap segala yang bernafas. Lalu Siti, “sambar kain panjang di tali regang, hujungnya disimpul sebesar buah nona dan terus diayun-ayun ke udara, menyentak labah yang enak-enak berjemur, terpelanting jatuh ke lantai, dihenyak dengan tumit kanan tanpa sebarang niat”. Geram Siti semakin menggilas, apa yang dibuatnya adalah “pengganti” kepada suaranya yang tidak boleh berlawanan, terpaksa akur dan menerima seadanya. Namun protesnya tiada siapa yang tahu, dan tindakan ganas hanyalah pada haiwan yang sangat kecil. Shahnon memperlihatkan, “Matanya liar mencari makhluk-sebarang makhluk-yang terjangkau”. Hinggakan seekor cicak di tiang meluru cabut lari apabila mengesan gelagat Siti, apatah lagi Siti mempunyai niat, “kalaulah dapat, perut akan dipicit, kepala akan diapit, umbi punggung akan dilanyak dengan tumit biar ekor terkodek-kodek macam cacing kepanasan”. Rasa marah dan geram Siti dilampiaskan kepada unsur flora pula. Kali ini bawang pula menjadi sasaran kemarahan Siti. “Bedebah!”, Pisau dicapai, bawang besar dicekak tiga ketul sekali gus, dibelah sekali tekan, di cincang, di cincang dan di cincang. Lebih parah lagi Siti mempamerkan rasa marahnya secara terang-terangan, unsur api menjadi taruhan. Apa yang Siti lakukan? Siti genggam penumbuk kanan, lalu menujuk masuk api yang panas, api menyambar daging hidup, melebam kuku, matanya ditutup dan giginya di kancing!

Siti mahu bersuara tetapi hanya mampu di hatinya, Siti mahu marah pada bapanya, tetapi hanya mampu ditunjukkan pada haiwan kecil. Siti

juga mahukan kebebasan memilih, Siti juga ingin kebebasan daripada terus terpenjara dan terpaksa akur dengan kebisuan. Oleh sebab itu, Shahnon memerikan bahawa kebebasan untuk bersuara dan bebas daripada terus terbelenggu seperti yang diidamkan oleh Siti:

- a) “sawah yang terbentang terasa macam belukar yang amat tebal memagari dunia wanitanya”
- b) “banjaran bukit” yang berconggang-canggit terasa macam satu lagi “lapisan tabir besi” yang membentengi kebebasan dunia wanitanya. Kebebasan yang diimpikan itu tidak menjadi kenyataan sebab dirinya sendiri dianggap “senduk”, sudu” dan “sudip”.

Shahnon menggambarkan bahawa unsur alam turut memahami keinginan yang dingin dicapai oleh jiwa Siti tetapi ada banyak kekangan yang disimbolkan, umpamanya “langit yang terserkup luas mengepung dunia. Tapi awan di atas kepala pun cepat berubah menjadi mendung mengumpul awan”. Lalu bagaimanakah Shahnon mengekspresikan jiwa Siti untuk mencari kebebasan? Sekali lagi Shahnon mengeksplorasi unsur flora dan fauna, umpamanya (i) “sungguh dia akan terbang macam burung enggang kalau di anugerah sayap serta-merta”, (ii)”matanya menjangkau mendung cuba-cuba mencari kalau-kalau sekawan enggang melintas ruang angkasa”. Namun kebebasan yang dicari tetap tidak akan muncul kerana Shahnon memperlihatkan bahawa Siti adalah seorang gadis sunti yang diasuh dengan penuh tertib dan sopan dalam rumah. Ekspresi dan simbol alam telah menjelaskan kedudukan Siti, “tetapi bumi sendiri pun jarang-jarang dipijak kecuali ke pangkalan sungai bersama ibu”. Sebab itulah tindakan dalaman Siti gagal, suara hatinya tidak didengari, alam yang memahami malah turut menyertai jiwa raganya tidak berupaya untuk membongkar rasa geram, marah, sedih dan keinginan Siti. Justeru salah satu jalan keluar daripada terus terpenjara kebisuan ialah maut yang dianggap sebagai kebebasan yang abadi. Itulah gambaran tekanan emosi yang menjadi beban jiwa raga Siti seorang gadis desa yang tinggal jauh terpencil dari dunia luar maka itulah tindakan yang terdaya dilakukannya.

Demikianlah Shahnon mengeksplorasi unsur-unsur flora dan fauna semaksimum mungkin. Justeru cerpen “Perempuan” telah memenuhi minat dan keinginan golongan pengkritik yang telah mengajukan pendekatan eco-feminism iaitu “represents the interest of women” dan bukannya mengarang atas dasar, “*the body of her writing and not the writing of her body*” (Miller 1980: 20). Meneliti persembahan Shahnon Ahmad menerusi cerpen ini, dapatlah dirumuskan bahawa eksplorasi unsur alam dilakukan secara menyeluruh, iaitu:

- a) unsur flora terdiri daripada buah ciku, bawang, daun pandan, pucuk kelapa, sawah padi, daun mengkuang dan buah nona.
- b) unsur fauna terdiri daripada kucing, ayam, cicak, semut, burung enggang, babi dan lebah.
- c) persekitaran sekeliling terdiri daripada ruang angkasa, awan, langit biru, banjaran bukit, belukar, angin dan api.
- d) benda-benda mati terdiri daripada sudip, sudu, senduk, kayu, tabir besi, gigi, kuku, papan, pisau, periuk

Namun apa yang uniknya tentang eksplorasi unsur-unsur flora dan fauna melalui cerpen ini tidaklah secara menyeluruhnya memperlihatkan *abuse of environment* seperti yang diperjuangkan golongan yang memperkenalkan kaedah bacaan *eco-feminism*. Fungsi kaedah bacaan ini membawa maksud kerosakan alam itu pada hakikatnya adalah juga *oppression of women by men*. Dalam hal ini Shahnon telah mengembangkan unsur-unsur flora untuk memperlihatkan bagaimana kuasa patriarki telah merosakkan jiwa raga seorang wanita tetapi tidak pula merosakkan alam sekitar.

Teks kedua yang menjadi fokus eseini ialah sebuah novel berjudul *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Hj. Abdullah, yang telah memenangi hadiah kedua Sayembara Mengarang Sempena Perayaan JUBLI EMAS DBP, pada tahun 2007. Menerusi novel ini Azizi memperjudikan watak Cah yang cukup istimewa, unik, kental, tangkas, cekal, berani, bersemangat waja mempertaruhkan hanya pengalaman untuk mengerjakan sawah dan mempertahankan tanah bendang yang hanya sekangkang kera. Tidak seperti watak Siti dalam cerpen “Perempuan”, watak Cah ditampilkan sebagai seorang janda berusia lewat 50an, kematian suami sejak 20 tahun yang lampau, dan dikurniakan dua anak lelaki, Sulaiman dan Hijrah. Justeru status Cah adalah cerai mati dan Cah anak yatim piatu.

Menerusi novel ini juga dapat disimpulkan bahawa Azizi telah membebaskan wanita dari kepungan patriarki lalu membina watak Cah yang perkasa. Lazimnya patriarki merujuk kepada “*the rule of the father...and it refers to a social system where the father controls all members of the family, all property and other economic resources, and makes all major decisions*” (Khamla Bhasin & Ninghat Said Khan 1988: 9). Namun dalam *Harga Sebuah Maruah*, hal ini tidak berlaku. Ini dibuktikan dengan peranan Cah. Cah memiliki segala-galanya, Cah mengawal ekonomi, Cah mengerjakan sawah tiga relung tanpa upah, Cah memastikan bakal suaminya tahu buat bendang, Cah mengawal banyak keadaan. Justeru watak Cah tidak lagi dilihat sebagai, “*man is superior to woman, that women should be controlled by man, and*

*are part of man's property*" (Khamla Bhasin & Ninghat Said Khan 1988: 9). Melalui saluran flora dan fauna, juga persekitaran setempat, Azizi telah memperlihatkan keteguhan alam adalah keteguhan Cah, keberanian Cah, kekentalan Cah, semangat Cah, kesetiaan Cah, idea-idea dan dedikasi Cah menyebabkan, "*now men shocked if a women says what she feel*" (Woolf 1982: 23). Lihatlah pandangan watak-watak lelaki seperti Azmi, Pak Long Derani, Sulaiman, Hijrah, Saad dan Deli terhadap semangat jitu Cah. Umpamanya kata-kata Derani, "Aku tak sangka," Derani menggeleng kepala menunjukkan keagumannya kepada Cah apabila dia mengusap kaki Cah yang di plaster itu" (Azizi Hj Abdullah 2007:371). Dapat dikesan bahawa Azizi telah menenggelamkan amalan patriarki yang melihat wanita sebagai *subordinate*. Hal ini kerana watak Cah dibina selari dengan kekuatan alam. Justeru Cah mempunyai akal fikiran yang jauh ke depan, seorang yang matang, cintakan maruah dan harga diri adalah selari dengan cinta Cah pada tanah sawah. Oleh itu Cah dibina dengan emosi yang ampuh, jiwa raga yang kental serta daya kesabaran yang tinggi.

Azizi membina watak Cah yang serba lengkap sebagaimana indahnya Kampung Kertau dihiasi dengan sawah bendang yang terbentang luas, pokok buah-buahan mempelam dan kelapa. Bahkan pada musim pokok-pokok padi dara, hijau menyegarkan mata memandang, bagaikan baldu hijau dihampar dengan rapi. Apabila musim padi masak ia kemerahan, kekuningan bagi katifah emas yang disepuh (Azizi Hj Abdullah 2007: 28). Sebagaimana Cah memiliki pusaka tanah sawah, demikianlah juga Kampung Kertau. Kertau adalah kampung Cah, sawah pusaka datuk nenek moyangnya. Sebagaimana Cah mesra alam, maka begitulah juga Kertau sudah lama dimesrai angin laut yang menerkam dari hujung kampung, memput lembut dari celah-celah pokok bakau, dari celah-celah daun nipah yang sesekali berkecipak bunyinya. Terdapat jajaran pokok-pokok bakau, pokok nipah, pokok api-api, kelapa berurutan sehingga ke pinggir sawah. Dan tanah milik Cah hanya tiga relung adalah antara ratusan hektar yang menjadi nadi penduduk di kampung itu. Inilah isu yang cuba dipaparkan oleh Azizi, bagaimana Cah cuba mempertahankan tanah sawah yang hanya tiga relung cuba dirampas dan dimusnahkan atas alasan untuk membina projek yang lebih menguntungkan. Semangat juang Cah dan alam bersatu menjadi satu, jiwa raga alam adalah jiwa raga Cah. Bagaimana hal ini boleh dikesan?

- a) maruah tanah bendang adalah maruah dan nilai diri Cah (hlm.344).
- b) sawah bendang adalah identiti Cah.

- c) Cah adalah sawah bendang, sawah bendang adalah Cah.
- d) darah dan air mata Cah adalah juga darah dan air mata sawah bendang.
- e) kegusaran alam adalah kegusaran Cah, dan kegusaran Cah adalah juga kegusaran alam. Cah dan alam bersatu (hlm. 231).
- f) Cah tidak mewakili wanita tetapi seluruh hati nurani masyarakat petani Kampung Kertau.
- g) Jiwa raga Cah adalah Kertau, jiwa raga Kertau adalah jiwa raga Cah. Kedua-duanya satu jiwa satu raga, satu rasa (hlm.353).
- h) Cah memahami emosi Kertau dan tanah sawah, dalam masa yang sama emosi Kertau dan tanah sawah turut memahami Cah.

Seluruh jiwa raga Cah adalah untuk tanah bendang yang menjadi tunggak hidupnya. Pengisian novel ini telah merentap jiwa pembaca untuk bersama-sama bukan saja dengan Cah tetapi juga seluruh persekitaran Kampung Kertau yang bukan saja tertindas dan dieksplot tetapi juga ditipu “begitu-begitu saja”. Seluruh jiwa pembaca menjadi sebak dan pilu, terlalu hiba apabila bersatu dengan jiwa raga dan emosi Cah dan alam Kampung Kertau. Teliti petikan berikut yang membuktikan bagaimana jiwa raga pembaca, jiwa raga Azizi selaku pengarang, jiwa raga Cah dan jiwa raga alam Kampung Kertau dibenamkan dalam satu jiwa: (Bab 18 di halaman 366),

“... Cah berguling-guling di tengah sawah. Dan apabila Habibah cuba hendak mengangkat Cah, Cah menjerkah dengan mata merah bercampur air mata.

“Tidur di sini. Bentengkan! Kita banteng Yajuj itu. Jangan takut!” Cah merebahkan dirinya dengan pantas sambil berteriak kepada Habibah dan dipeluknya Habibah dengan kuat, menyembam mukanya ke tanah selut, merangum pokok-pokok padi menutupi badan dan menutup telinga untuk mengelak daripada terdengar apa-apa.

Habibah terpaksa menurut kehendak Cah. Itu adalah perintah sebuah maruah yang hanya terdaya dilakukan oleh mereka.

Tiba-tiba enjin jentera yang menggerunkan itu mati. Senyap sepi. Penyodoknya tersengguk di atas pokok-pokok padi dan buah-buah yang mula kekuningan itu berselerak di sana sini.

Polis anti-rusuhan yang berceratuk di atas batas hairan. Habibah memanggung kepala untuk memastikan apakah jentera itu akan

menerkam pada mereka. Tapi enjin itu senyap. Manakala dua pegawai polis menerkam kepadanya seperti hendak melihat seekor babi yang sudah ditembak.

Alangkah terkejutnya Habibah, Cah terus-menerus menyembam di tanah selut, seperti mahu mencium bau selut sepuas-puasnya.

Setiap paparan yang dipersembahkan oleh Azizi menerusi novel ini turut dapat memberi kesan sejauh mana dan bagaimana kritikan *eco-feminism* dapat dikesan. Peranan Cah, sikap Cah, aktiviti Cah dan penduduk Kampung Kertau telah memperlihatkan bagaimana “*social mentality*” yang diwakili oleh pihak berkuasa, Pak Long Derani dan kuncu-kuncunya juga anak Cah- Sulaiman adalah salah satu punca utamanya terjadinya “*domination and oppression*” secara tersirat dan secara tersuratnya menjelaskan *abuse of environment*. Bahkan dalam masa yang sama, tindakan pihak berkuasa membawa implikasi yang bersifat selari iaitu hubungan di antara *destruction of nature by humans* yang turut memberi makna bahawa kerosakan alam itu adalah juga pada hakikatnya *oppression of women by men*. Hal ini juga bertepatan seperti yang diungkapkan oleh Seyyed Hoessin Nasr di awal perbincangan eseini.

Sepertimana Shahnon Ahmad, Azizi Hj Abdullah juga mengeksplorasi unsur-unsur alam secara menyeluruh untuk memperlihatkan perkaitan yang rapat antara ekspresi flora dan fauna dengan ekspresi jiwa raga wanita:

1. Unsur Flora: pokok pisang, sawah padi, benih padi, rumput, pokok ketapang, pokok ubi kayu, pokok pandan, rumput, pokok tebu, pokok kelapa, pokok bakau, pokok api-api, hutan bakau, buluh, bunga lawang, pokok bunga dalam pasu, bunga macang, buah dan bunga keranji, daun gelenggang, jagung, kacang panjang, terung dan pokok nipah.
2. Unsur Fauna: semut, babi, ikan sepat, ikan puyu, ikan haruan, ikan keli, tebuan, kicauan burung, katak, lalat, naga, kulit siput gondang, harimau, serigala, ulat bena, ulat putih, serangga, lembu, tuntung, beruk, musang, labah-labah, keridik, dan cicak kubin.
3. Persekutuan sekeliling: cakerawala, bulan, bintang, matahari, pelangi, embun, hujan, guruh, sungai, langit biru, angin, awan, laut, debu, belukar, permatang, batas sawah, suasana kenduri-

- kendara, tali air, api pelita minyak tanah, jalan tanah merah, jalan raya, butir-butir pasir.
4. Benda-benda mati: kayu buruk, papan, cangkul, jentera, batubata, kopiah putih, selendang, tingkap, bendul pintu, kapak, tongkat, baju lusuh lengan panjang, penyodok besi dan pagar.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa kedua-dua pengarang telah mengembangkan unsur-unsur flora dan fauna untuk memperlihatkan bagaimana ekspresi unsur-unsur ini adalah juga berperanan mewakili jiwa raga wanita. Berlandaskan fahaman dan kaedah bacaan *eco-feminism*, perbincangan ini memperlihatkan bahawa gaya olahan Shahnon Ahmad menerusi cerpen “Perempuan” hanyalah di tahap mendedahkan jiwa raga wanita dilepaskan melalui unsur flora dan fauna, tetapi tidak merosakkan unsur-unsur alam tersebut. Justeru tidak berlaku “*destruction of nature by humans*”. Apa yang berlaku ialah eksresi emosi dan tekanan jiwa raga watak telah menjawab persoalan *domination and oppression* yang diakibatkan oleh sistem patriarki yang melihat wanita sebagai *subordinate*. Oleh itu hanya wanita yang didera jiwanya tetapi tidak pada jiwa raga alam. Sebaliknya, gaya mengarang Azizi Haji Abdullah memenuhi fahaman dan falsafah perjuangan sarjana yang menjana kaedah bacaan *eco-feminism*. Novel *Harga sebuah Maruah* menepati konsep tersirat dan tersurat. Bukan hanya Cah yang diperkosa emosi dan jiwa raganya tetapi penderaan flora dan fauna telah berlaku secara rakus sekali. Novel ini telah melengkapkan ciri-ciri kritikan *eco-feminism* yang ingin membuktikan bahawa kerosakan alam adalah juga *domination and oppression, abuse of environment* dan *destruction of nature by human*, sekali gus memberi maksud wujudnya *oppression of women by men*.

## RUJUKAN

- Azizi Hj Abdullah. 2007. *Harga sebuah maruah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khamla Bhasin & Said Nighat Khan. 1988. *Some questions on feminism and its relevance in South Asia*. New Delhi: Indraprastha Press.
- Chan, Ngai Weng. 1993. *Pengantar geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Miller, N.K. 1980. Women's autobiography in France: For a dialectics of identifications. Dlm. McConell-Ginet, S., Borker, R. & Furman, N. (eds.). *Women and language in literature and society*. New York: Praeger.
- Moers, E. 1976. *Literary women: The great writers*. New York: Oxford University Press.
- Syed Hossein Nasr. 1976. *Man and nature: The spiritual crisis of modern man*. Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies.
- Shahnon Ahmad. 1995. Perempuan. Dlm. Mohd.Yusuf Hassan. *Koleksi terpilih Sasterawan Negara: Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas-Slayter, B. & Rocheleau, D. 1995. *Gender, environment and development in Kenya: A grassroots perspective*. Boulder: Lynne Rienner Publishers.
- Woolf, V. 1992. Dorothy Richardson and women's sentence. Dlm. Cameron (ed.). *The feminist critique of language: A reader*. London: Routledge.

*Siti Hajar Che Man, Ph.D.  
Profesor Madya  
Bahagian Kesusastraan  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: shajar@usm.my  
Tel: +604 6532865  
Tel bimbit: +6012 4598129  
Faks: +604 6563707*